



## Penapisan di New Zealand

Terima kasih kerana membaca maklumat kami tentang penapisan dalam Bahasa Malaysia. Kami berharap maklumat ini menjawab soalan anda tentang penapisan di New Zealand.

Jika anda mempunyai soalan mengenai penapisan televisyen dan radio, sila layari laman web Lembaga Standard Penyiaran (*Broadcasting Standards Authority*) - [www.bsa.govt.nz](http://www.bsa.govt.nz).

### **UNDANG-UNDANG PENAPISAN NEW ZEALAND DIPANGGIL AKTA PENGELASAN FILEM, VIDEO DAN PENERBITAN 1993 (*The Films, Videos and Publications Classification Act 1993*)**

Undang-undang ini membenarkan Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera untuk mengelaskan bahan seperti filem, DVD, buku, permainan video, majalah dan fail komputer. Filem perlu mempunyai label pengelasan rasmi New Zealand untuk dijual, disewa, atau dipamerkan di New Zealand. Permainan video yang dikadarkan berdasar umur mesti mempunyai label pengelasan rasmi New Zealand untuk dijual, disewa, atau dipamerkan di New Zealand.

### **Bagaimana Undang-undang Penapisan Mempengaruhi Anda dan Keluarga Anda**

Undang-undang penapisan di New Zealand boleh membantu untuk melindungi keluarga anda daripada bahan yang berbahaya.

### **APA YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI UNDANG-UNDANG PENAPISAN**

- Ia adalah menyalahi undang-undang untuk memberikan DVD atau permainan video dikadarkan berdasar umur kepada orang di bawah umur sekatan pada label pengelasan.
- Ia adalah menyalahi undang-undang untuk memberikan DVD, permainan video, buku, majalah, atau fail komputer yang dikadarkan berdasar umur kepada kanak-kanak muda walaupun bahan dikadarkan berdasar umur tidak mempunyai label pengelasan berdasar umur.
- Ia adalah menyalahi undang-undang untuk memberikan DVD, buku, majalah atau fail komputer yang mengandungi unsur-unsur seks kepada orang di bawah umur 18 tahun.

Sila baca *Kandungan bahan dikadarkan berdasar umur* di bawah untuk maklumat tentang jenis kandungan yang boleh dikadarkan berdasar umur.

## LABEL PENGELASAN MERAH ADALAH SEKATAN UMUR SAH DI SISI UNDANG-UNDANG

Warna label pengelasan adalah seperti lampu isyarat:

- HIJAU bermakna sesiapa boleh melihat filem ini.
- KUNING bermakna sesiapa sahaja boleh melihat filem ini, tetapi filem ini mungkin tidak sesuai bagi sesetengah penonton.
- MERAH bermakna filem ini adalah dikadarkan berdasar umur. Anda tidak dibenarkan menunjukkan filem itu kepada orang di bawah umur pada label.

Nota deskriptif pada label pengelasan memberitahu anda tentang kandungan dalam filem. Kandungan ini mungkin boleh mengganggu atau menyinggung perasaan sesetengah orang.

### Label Pengelasan




G - filem ini sesuai untuk semua orang.



PG - sesiapa sahaja boleh menonton filem ini. Bimbingan dari ibu bapa atau orang dewasa yang bertanggungjawab adalah disyorkan jika kanak-kanak muda menonton filem ini.



M - sesiapa sahaja boleh menonton filem ini. Filem ini lebih sesuai untuk penonton berumur lebih daripada 16 tahun.



RP13 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 13 tahun kecuali mereka ditemani oleh orang dewasa yang bertanggungjawab.



RP16 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 16 tahun kecuali mereka ditemani oleh orang dewasa yang bertanggungjawab.



R13 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 13 tahun.



R15 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 15 tahun.



R16 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 16 tahun.



R18 - ia adalah haram untuk menunjukkan filem ini kepada orang di bawah umur 18 tahun.

## **MENJUAL DVD**

Anda perlu mendapatkan label pengelasan untuk DVD anda jika anda ingin menjual DVD anda di New Zealand. Anda boleh dikenakan denda sehingga \$3,000 jika menjual DVD yang tidak mempunyai label pengelasan New Zealand.

## **Bahan dikadarkan berdasar umur dan bahan yang haram**

### **KANDUNGAN BAHAN DIKADARKAN BERDASAR UMUR**

Kandungan yang boleh dikadarkan berdasar umur termasuk:

- Seks
- Seram
- Jenayah dan tingkah laku yang berbahaya
- Kekejaman
- Keganasan
- Bahasa kesat yang menyinggung perasaan
- Bunuh diri atau mencederakan diri

### **KANDUNGAN HARAM**

Beberapa kandungan adalah sentiasa haram di New Zealand:

- Kandungan seksual yang melibatkan kanak-kanak
- Kandungan yang menggalakkan keganasan dan paksaan seksual
- Kandungan yang menggalakkan seksaan atau keganasan yang melampau
- Kandungan seksual yang melibatkan haiwan
- Kandungan seksual yang melibatkan mayat
- Kandungan seksual yang melibatkan air kencing atau najis

Beberapa kandungan lain yang boleh manyalahi undang-undang dan dikelaskan haram di New Zealand termasuk kandungan yang:

- Menggalakkan tingkah laku jenayah
- Menggalakkan keganasan
- Menggalakkan penderaan seksual kanak-kanak
- Mengeksploitasi kanak-kanak bogel
- Menggalakkan kelakuan yang menjatuhkan maruah dan diskriminasi

### **MEMILIKI BAHAN HARAM ADALAH JENAYAH**

Ia adalah jenayah untuk memiliki, atau memuat turun dari internet, atau mengedarkan bahan-bahan yang haram. Anda boleh dipenjarakan sehingga 14 tahun jika memiliki, atau memuat turun dari internet, atau mengedarkan bahan-bahan yang haram. Sila baca [Kandungan Haram](#) di atas untuk maklumat mengenai jenis kandungan yang haram.

## **Sistem Penapisan di New Zealand**

### **LEBIH DARIPADA SATU ORGANISASI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK PENAPISAN IN NEW ZEALAND**

#### **Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera**

- Kami adalah sebuah organisasi kerajaan yang berdikari.
- Ketua Penapisan adalah ketua Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera.
- Kami mengelaskan bahan-bahan yang mungkin perlu dikadarkan berdasar umur atau diharamkan. Sesuatu mungkin dikadarkan berdasar umur atau diharamkan jika ia mengandungi unsur-unsur seks, seram, jenayah, kekejaman, keganasan atau bahasa kesat.
- Kami mengelaskan semua filem, DVD dan permainan video yang dikadarkan berdasar umur di New Zealand.
- Kami juga boleh mengelaskan buku-buku, majalah, fail komputer, dan lain-lain.

Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera juga menjawab soalan dan aduan daripada orang ramai. Kami menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu penapisan. Kami juga memberi nasihat percuma, maklumat dan sumber mengenai penapisan.

Orang ramai boleh meminta Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera untuk mengelaskan sesuatu - seperti buku atau majalah. Sila lihat *Hubungi Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera* di bawah untuk maklumat lanjut tentang mengelaskan sesuatu.

#### **The Film and Video Labelling Body (Badan Pelabelan Filem dan Video)**

- Mengelaskan filem, DVD dan permainan video yang *tidak* dikadarkan berdasar umur.
- Membekalkan label pengelasan untuk semua filem dan DVD.

### **POLIS, KASTAM, DAN JABATAN HAL EHWAL DALAM NEGERI (DEPARTMENT OF INTERNAL AFFAIRS) MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG PENAPISAN DI NEW ZEALAND**

#### **Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri**

The Censorship Compliance Unit (Unit Pematuhan Penapisan) di Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri adalah organisasi utama yang menguatkuasakan undang-undang penapisan New Zealand. Unit Pematuhan Penapisan menguatkuasakan pengelasan yang diputuskan oleh Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera. Unit Pematuhan Penapisan mampu untuk mendakwa orang atau organisasi yang melanggar undang-undang Akta Pengelasan.

Sila hubungi Unit Pematuhan Penapisan jika anda mengesyaki seseorang atau organisasi mungkin melanggar undang-undang penapisan. Sila hubungi Unit Pematuhan Penapisan:

- [censorship@dia.govt.nz](mailto:censorship@dia.govt.nz)
- 0800 257 887
- [www.dia.govt.nz/Services-Censorship-Compliance-Index](http://www.dia.govt.nz/Services-Censorship-Compliance-Index)

## **Perkhidmatan Kastam New Zealand**

Perkhidmatan Kastam menghalang bahan-bahan yang diharamkan daripada memasuki New Zealand dari negara-negara lain. Sila hubungi Perkhidmatan Kastam:

- [feedback@customs.govt.nz](mailto:feedback@customs.govt.nz)
- 0800 428 786

## **Polis**

Polis bekerja bersama dengan Perkhidmatan Kastam dan Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang penapisan New Zealand. Sila hubungi balai polis tempatan anda untuk maklumat lanjut.

## **Hubungi Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera**

Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera bertindak atas aduan dan menjawab soalan mengenai penapisan di New Zealand. Sila hubungi Pejabat Pengelasan Filem dan Sastera:

- [info@classificationoffice.govt.nz](mailto:info@classificationoffice.govt.nz)
- 0508 236 767